

Beriman Dengan Hari Akhirat

Maksud


Meyakini kewujudan hari kehancuran seluruh alam dan kebangkitan semula yang kekal abadi untuk menerima pembalasan samada syurga atau neraka.

Tanda Kecil

- Banyak peperangan
- Kejahilan berleluasa
- Matinya para ulama dan orang soleh
- Tersebar arak dan penzinaan
- Orang jahil menjadi pemimpin
- Negara Arab menghijau
- Bangunan pencakar langit

Tanda Besar

- Muncul Imam Mahdi
- Keluar Dajjal
- Turun Nabi Isa
- Keluar Yakjuj dan Makjuj
- Keluar al-Dukhan
- Keluar Dabbatul Ard
- Matahari terbit dari barat



LATIHAN

1. Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

Kebangkitan	Besar	Kehancuran	Rahsia
Waktu	Wajib	Rukun iman	syurga

- A. Setiap Muslim _____ beriman dengan hari akhirat kerana merupakan salah satu daripada _____
- B. Maksud beriman dengan Hari Akhirat ialah meyakini dengan kewujudan hari _____ seluruh alam dan _____ semula yang kekal abadi untuk menerima semula pembalasan samada _____ atau neraka.
- C. Tiada sesiapa pun yang mengetahui _____ berlakunya hari akhirat kerana ia merupakan _____ Allah SWT.
- D. Tanda-tanda kiamat terbahagi kepada dua iaitu tanda kecil dan tanda _____.

2. Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

Al-Sirat	Neraka	Al-Dukhan	Syurga	Dajjal
----------	--------	-----------	--------	--------

- A. Sejenis makhluk yang menyesatkan manusia dengan tipu daya yang licik _____
- B. Tempat yang penuh dengan azab sengsara yang disediakan kepada orang kafir dan ahli maksiat. _____
- C. Sejenis asap yang keluar meliputi seluruh manusia sebelum berlakunya kiamat. _____
- D. Sebuah titian yang merentang di antara Mahsyar menuju ke Syurga. _____